



GARIS PANDUAN

ENTITI KECEMERLANGAN UiTM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut Pengurusan Penyelidikan



GARIS PANDUAN

Entiti Kecemerlangan UiTM

Versi 2.0 / 2013

1.0

PENAKRIFAN

Pentakrifan melibatkan semua Entiti Kecemerlangan yang diluluskan penubuhannya dan berdaftar di UiTM.

1.1 Entiti Kecemerlangan: Sesuatu unit atau organisasi yang terdiri daripada penyelidik yang aktif menjalankan penyelidikan atau perkhidmatan dalam bidang tertentu, dikenali oleh komuniti akademik di dalam dan di luar universiti dengan kepakaran yang diperoleh hasil daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh Entiti Kecemerlangan serta mampu menerajui aktiviti dan memimpin beberapa projek di peringkat universiti dan negara. Entiti Kecemerlangan perlu bercirikan interdisiplin.

1.1.1 Teras Penyelidikan & Inovasi – Sebuah entiti yang melaksanakan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan dan rundingan kepada industri dan masyarakat. Lebih 70% aktiviti yang dilaksanakan oleh entiti ini bertumpu kepada penyelidikan dan inovasi manakala kurang 30% meliputi aspek perkhidmatan dan rundingan.

1.1.2 Teras Perkhidmatan - Sebuah entiti yang menyediakan perkhidmatan dan perundingan kepada masyarakat dan industri. Lebih 75% aktivitinya hendaklah meliputi aspek perkhidmatan dan perundingan, manakala kurang 25% meliputi aspek penyelidikan serta pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Institut Kecemerlangan (Centre of Excellence (CoE) atau Centre of Distinction (CoD) equivalent): Merupakan Entiti Kecemerlangan berPTJ (Pusat Tanggungjawab) yang mencapai tahap prestasi yang membanggakan dan layak dicalonkan dilantik sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Malaysia/nasional. Institut Kecemerlangan dipimpin oleh seorang Pengarah.

1.3 Pusat Kecemerlangan: Merupakan Entiti Kecemerlangan yang mencapai tahap prestasi kecemerlangan yang tinggi dan layak dicalonkan menjadi Institut Kecemerlangan. Pusat Kecemerlangan dipimpin oleh seorang Ketua.

1.4 Kumpulan Inisiatif Penyelidikan/Research Initiative Group (RIG): Merupakan Entiti Kecemerlangan yang mencapai tahap prestasi yang baik dan layak dicalonkan menjadi Pusat Kecemerlangan. RIG dipimpin oleh seorang Koordinator.

- 1.5 Ketua Penyelidik** (Principal Investigator/PI): Seorang penyelidik yang menjadi ketua sesuatu geran penyelidikan yang diiktiraf amanah dan berdaftar di RMI.
- 1.6 Penyelidik:** Individu yang aktif menjalankan projek penyelidikan sama ada secara persendirian atau berkumpulan.
- 1.7 Program Saintis dan Penyelidik Muda (PSPM):** Merupakan program Entiti Kecemerlangan untuk mengambil penyelidik muda yang dibayar eluan (seperti tenaga pengajar muda) semasa mereka menjalani pengajian pasca siswazah secara penyelidikan.
- 1.8 Ahli Tetap:** Staf akademik yang dilantik secara rasmi oleh pihak universiti mengikut Entiti Kecemerlangan yang berkaitan. Setiap staf akademik hanya dibenarkan menjadi ahli tetap di sebuah Entiti Kecemerlangan sahaja.
- 1.9 Ahli Bersekutu:** Staf akademik yang dilantik secara rasmi oleh pihak universiti mengikut Entiti Kecemerlangan yang berkaitan.

PENUBUHAN ENTITI KECEMERLANGAN

2.1 Kriteria Penubuhan Entiti Kecemerlangan

Kriteria penubuhan Entiti Kecemerlangan universiti merangkumi lima (5) peringkat iaitu Institut Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE), Institut Kecemerlangan Nasional (HICoE), Institut Kecemerlangan, Pusat Kecemerlangan dan Kumpulan Inisiatif Penyelidik (RIG).

2.1.2 TIER 1 - Institut Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE)

- 2.1.2.1 Entiti Kecemerlangan antarabangsa hendaklah diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 2.1.2.2 Diluluskan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan seterusnya dikemukakan ke KPM untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 2.1.2.3 Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPM dari masa ke semasa.

2.1.3 TIER 2 - Institut Kecemerlangan Nasional (HICoE)

- 2.1.3.1 Diluluskan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 2.1.3.2 Entiti Kecemerlangan hendaklah telah ditubuhkan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan mempunyai rekod/bukti yang diperakukan oleh Universiti.
- 2.1.3.3 Entiti Kecemerlangan telah beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.1.3.4 Entiti Kecemerlangan mempunyai sekurang-kurangnya bilangan ahli tetap iaitu;
 - Teras Penyelidikan dan Inovasi - lima (5) orang staf akademik sepenuh masa.
 - Teras Perkhidmatan - empat (4) orang staf akademik sepenuh masa.
- 2.1.3.5 Entiti Kecemerlangan perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) bidang tujuan.
- 2.1.3.6 Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPM dari masa ke semasa.

2.1.4 TIER 3 – Institut Kecemerlangan

- 2.1.4.1 Institut berfungsi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) terletak di bawah naungan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi.
- 2.1.4.2 Kelulusan penubuhan Institut oleh Jawatan Kuasa Eksekutif (JKE) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 2.1.4.3 Institut mempunyai lima (5) orang bilangan staf akademik sebagai ahli tetap.
- 2.1.4.4 Mempunyai potensi untuk menjadi sebuah pusat rujukan universiti, negara, serantau dan sejagat. Institut ini bersedia mencapai tahap HICoE dalam masa terdekat.
- 2.1.4.5 Mempunyai staf tetap dan sementara yang merangkumi pakar-pakar, Profesor Pelawat atau pasca kedoktoran dan ahli sains dan penyelidik muda.
- 2.1.4.6 Mempunyai staf yang mempunyai rekod prestasi yang baik, komposisi kumpulan penyelidik yang kukuh dan kohort generasi yang berbeza (mempunyai pelapis).
- 2.1.4.7 Mendapat peratus minima 65% berdasarkan instrumen yang digunakan dengan kenaikan 3% setiap tahun dinilai berbanding tahun sebelumnya.
- 2.1.4.8 Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

2.1.5 TIER 4 - Pusat Kecemerlangan

- 2.1.5.1 Kelulusan penubuhan Entiti Kecemerlangan oleh Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI).
- 2.1.5.2 Mempunyai lima (5) orang bilangan staf akademik sebagai ahli tetap.
- 2.1.5.3 Pusat Kecemerlangan mesti aktif menyelia pelajar pascasiswasah secara penyelidikan.
- 2.1.5.4 Mendapat peratus minima 55% berdasarkan instrumen yang digunakan dengan kenaikan 3% setiap tahun dinilai berbanding tahun sebelumnya.
- 2.1.5.5 Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

2.1.6 TIER 5 - Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)


- 2.1.6.1 Kelulusan penubuhan Entiti Kecemerlangan Tier 5 oleh Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI).

- 2.1.6.2 Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli dan seorang dari fakulti lain.
- 2.1.6.3 Koordinator RIG mesti seorang PI geran luar yang diiktiraf amanah dan berdaftar di RMI.
- 2.1.6.4 Kumpulan penyelidik mempunyai minat yang sama dan masih mempelajari atau pada tahap mempertingkatkan kepakaran dalam satu bidang penyelidikan serta aktif menghadiri seminar, konferensi dan lain-lain aktiviti akademik.
- 2.1.6.5 Kumpulan Penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswazah secara penyelidikan.
- 2.1.6.6 Kumpulan Penyelidik mesti mempunyai rekod prestasi geran terkumpul RM150, 000 bagi Sains dan Teknologi atau RM100, 000 bagi Sains Sosial dan Pengurusan.
- 2.1.6.7 Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

2.2 Kaedah/Carta Alir Penubuhan Entiti Kecemerlangan

Carta alir penubuhan Entiti Kecemerlangan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Carta Alir Penubuhan Entiti Kecemerlangan



3.0

SASARAN PRESTASI

Setiap institut atau entiti perlu memenuhi sasaran prestasi yang telah ditetapkan seperti di Jadual 2 agar pencapaian selaras dengan kehendak KPM bagi melahirkan Entiti Kecemerlangan bertaraf antarabangsa.

3.1 Sasaran Prestasi

- 3.1.1 Aktiviti pemantauan dan penilaian akan dijalankan dua (2) kali setahun serta audit tapak satu kali (1) setahun. Setiap Entiti Kecemerlangan perlu mengisi instrumen yang ditetapkan dan mengemaskini semua aktiviti serta menyediakan bahan bukti untuk pengauditan. Geran penyelidikan dan penerbitan yang diperolehi oleh Ahli Tetap dan Bersekutu yang diambil kira di dalam penilaian ini mestilah berkaitan dengan bidang tujuan sesuatu Entiti Kecemerlangan.
- 3.1.2 Sasaran prestasi ini juga menentukan kelayakan Entiti Kecemerlangan sama ada tadbir urusnya di peringkat fakulti, UiTM Negeri atau di bawah naungan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- 3.1.3 Institut Kecemerlangan yang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan akan hilang taraf PTJnya serta semua kemudahan yang diberikan berkaitan status Institut Kecemerlangan.
- 3.1.4 Entiti Kecemerlangan yang gagal mencapai sasaran prestasi akan diturun taraf ke tahap yang lebih sesuai dengan pencapaianya.
- 3.1.5 Bagi Entiti Kecemerlangan yang diturun taraf, staf akademik/ penyelidik perlu dikembalikan ke PTJ asal semula.

Jadual 2 : Pengkelasan dan Sasaran Prestasi Entiti Kecemerlangan

INDEKS PETUNJUK PRESTASI	TIER 1 WCoE	TIER 2 Hi-CoE	TIER 3 Institut	TIER 4 Pusat	TIER 5 RIG
Tadbir urus (Governance)	Entiti Kecemerlangan (Berpusat Tanggung Jawab) di bawah naungan TNC P&I			Entiti Kecemerlangan di bawah naungan Fakulti dan Kampus Cawangan	
Peratus minima Entiti Kecemerlangan dengan kenaikan 3% setiap tahun	>95%	80%	65%	55%	<55%

3.2 Penilaian Prestasi Kendiri Dan Keserakahan (Pengauditan)

Penilaian Prestasi Kendiri dan Keserakahan merupakan kaedah untuk mengukur prestasi dan mengenal pasti objektif, strategi, kelemahan dan kekuatan sesebuah Entiti Kecemerlangan.

- 3.2.1 Aktiviti ini dapat menilai keberkesanannya penggunaan sumber kewangan dan modal insan yang telah diperuntukkan oleh UiTM kepada Entiti Kecemerlangan.
- 3.2.2 Penilaian Prestasi Kendiri ini dapat digunakan berdasarkan markah instrumen untuk menilai pencapaian Entiti Kecemerlangan UiTM.
- 3.2.3 Pelaksanaan Penilaian Prestasi Kendiri ini tertumpu kepada Entiti Kecemerlangan yang telah ditubuhkan sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih pada tahun ianya dinilai dengan menyediakan laporan berdasarkan aktiviti dan pencapaian untuk tempoh tiga (3) tahun.
- 3.2.4 Penilaian Prestasi Keserakahan juga dijalankan selain daripada penilaian prestasi kendiri untuk memastikan hasilran penyelidikan/ perkhidmatan tercapai dan dibuktikan dalam rekod.
- 3.2.5 Instrumen yang diguna pakai di peringkat universiti selaras dengan instrumen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa.

4.0

HAL PENTADBIRAN ENTITI KECEMERLANGAN

4.1 PROSEDUR LANTIKAN PENGARAH/KETUA DAN AHLI

- 4.1.1 Perlantikan pemimpin sama ada pemimpin dan ahli adalah mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Lantikan Pemimpin dan Ahli Entiti Kecemerlangan

	TIER 1 WCoE	TIER 2 Hi-CoE	TIER 3 Institut	TIER 4 Pusat	TIER 5 RIG
Status	BerPTJ	BerPTJ	BerPTJ	Di bawah Fakulti/ Kampus	Di bawah Fakulti/ Kampus
Pemimpin	Pengarah	Pengarah	Pengarah	Ketua	Koordinator
Lantikan Pemimpin oleh:	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	RMI dan sokongan Dekan	RMI dan sokongan Dekan
Lantikan Ahli oleh:	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	RMI dan sokongan Dekan	RMI dan sokongan Dekan

- 4.1.2 Perlantikan Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu Institut Kecemerlangan adalah melalui perbincangan serta persetujuan cadangan di antara Pengarah bersama Dekan Fakulti sebelum dimajukan kepada Naib Canselor dengan salinan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Pelantikan adalah berdasarkan tindakan di Entiti Kecemerlangan selama tiga (3) tahun dan disarankan staf akademik yang memilih trek penyelidikan di tempatkan di Entiti Kecemerlangan.
- 4.1.3 Perlantikan Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu bagi Pusat Kecemerlangan dan RIG adalah melalui perbincangan serta persetujuan cadangan di antara Ketua/Koordinator bersama Dekan Fakulti sebelum dimajukan kepada RMI. Adalah disarankan staf akademik yang memilih trek penyelidikan di tempatkan di Entiti Kecemerlangan.

4.2 AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP) KETUA DAN AHLI

- 4.2.1 Kriteria ATP adalah berdasarkan pengelasan Entiti Kecemerlangan serta persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat Pelarasian Institut berPTJ dengan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Pendaftar dan wakil Bendahari pada 26 Januari 2011. (Petikan Minit Mesyuarat 4.1.3-Pelarasian ATA Ahli Tetap & Bersekutu).
- 4.2.2 ATP adalah tertakluk kepada sebarang pindaan oleh pihak Bahagian Hal Akademik seperti ATS (Amanah Tugasan Syarahan) dan Amanah Tugasan Pensyarah (ATP) pada amnya seperti Jadual 4.

Jadual 4: Pengagihan jam ATP untuk Ahli Entiti Kecemerlangan di UiTM

Tahap/Klasifikasi	Pengarah/Ketua	Ahli Tetap	Ahli Bersekutu
Tier 1 WCoE	Seperti di surat lantikan daripada Naib Canselor	95% KJS 5% ATS (Contoh: 2 jam amanah tugasan syarahan dari 39 jam/minggu)	40% KJS 60% ATS
Tier 2 HiCoE	Seperti di surat lantikan daripada Naib Canselor	90% KJS 10% ATS (Contoh: 4 jam amanah tugasan syarahan dari 39 jam/minggu)	40% KJS 60% ATS
Tier 3 Institut Kecemerlangan	Seperti di surat lantikan daripada Naib Canselor	85% KJS 15% ATS (Contoh: 6 jam amanah tugasan syarahan dari 39 jam/minggu)	40% KJS 60% ATS
Tier 4 Pusat Kecemerlangan	Seperti di surat lantikan daripada RMI	60% KJS 40% ATS (Contoh: 16 jam amanah tugasan syarahan dari 39 jam/minggu)	30% KJS 70% ATS
Tier 5 Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)	Seperti di surat lantikan daripada RMI	50% KJS 50% ATS (Contoh: 20 jam amanah tugasan syarahan dari 39 jam/minggu)	Tiada ahli bersekutu

$$\text{ATP} = \text{ATS} + \text{KJS} = 39 \text{ jam/seminggu}$$

Amanah Tugas Pensyarah=Amanah Tugas Syarahan+Kesetaraan Jam Syarahan=39 jam/seminggu

$$\text{ATS} = \text{KS} + \text{PS}$$

Amanah Tugas Syarahan=Kontek Syarahan+Penyediaan Syarahan dan Penilaian

$$\text{KJS} = \text{K1} + \text{K2} + \text{K3}$$

Kesetaraan Jam Syarahan=Penyeliaan+Penyelidikan, Penerbitan & Persidangan + Kegiatan & Sumbangan (Universiti/Pelajar/Masyarakat)

- 4.2.3 Sasaran Kerja Tahunan di dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau yang setara dengannya, seperti kenaikan pangkat akan dinilai oleh pemimpin Entiti Kecemerlangan dan Dekan Fakulti serta disahkan bersama.
- 4.2.4 Untuk Entiti Kecemerlangan BerPTJ, SKT dijalankan oleh Pengarah Institut sebagai penilai pertama dan TNC (P&I) sebagai penilai kedua. Namun untuk tujuan kenaikan pangkat akan dinilai oleh ketua kedua-dua PTJ (Dekan Fakulti dan Pengarah Institut) serta disahkan bersama.
- 4.2.5 PSPM yang tamat pengajian akan ditempatkan di Entiti Kecemerlangan dengan nisbah peratus penyelidikan: pengajaran sebagai 90:10. PSPM menjawat tahap perkhidmatan yang sama dengan tenaga pensyarah muda.
- 4.2.6 Hal-hal pentadbiran seperti permohonan cuti, perjalanan ke luar negara, menghadiri seminar atau latihan yang berkaitan, pengesahan ke dalam perkhidmatan dan sebagainya adalah dibawah seliaan Pengarah Entiti Kecemerlangan berPTJ. Walaupun demikian, Ketua PTJ kedua iaitu Dekan Fakulti perlu mendapat satu salinan permohonan dan kelulusan terbabit.
- 4.2.7 Bagi tujuan penerbitan artikel jurnal atau sebarang bentuk pengkaryaan, kedua-dua PTJ perlu dinyatakan sebagai afiliasi dalam penerbitan.

5.0

INSENTIF

5.1 Insentif untuk Entiti Kecemerlangan UiTM

- 5.1.1 Entiti Kecemerlangan boleh melantik Felo Penyelidik, Profesor Pelawat, Penyelidik Pasca Kedoktoran serta calon bagi Program Saintis & Penyelidik Muda (PSPM). Perlantikan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Senat dan bahagian-bahagian berwajib.
- 5.1.2 Staf akademik yang ditindikkan di Entiti Kecemerlangan dikurangkan ATP pengajaran di fakulti tertakluk kepada ketetapan semasa.
- 5.1.3 Dana Penggerak (Seed Funding) UiTM untuk tiga tahun pertama dicadangkan berdasarkan peruntukan bajet seperti berikut:
 - Tier 1 (WCoE) : Siling RM3.0 juta setahun
 - Tier 2 (HICoE) : Siling RM1.0 juta setahun
 - Tier 3 : Siling RM500,000 setahun
- 5.1.4 Diberi bajet operasi tahunan bagi prasarana yang diperlukan, geran penyelidikan dan peralatan.
- 5.1.5 Pelaporan tahap prestasi (kendiri dan keserakahan) setiap 6 bulan bagi memantau pencapaian KPI.

6.0

PERUNTUKAN KEWANGAN

Peruntukan pengurusan untuk Entiti Kecemerlangan BerPTJ adalah di Jadual 5.

Jadual 5: Cadangan Peruntukan Pengurusan Tahunan Entiti Kecemerlangan BerPTJ

	Operasi (RM)	Pembelian Aset Penyelidikan (RM)	Bahan Penyelidikan (RM)
Sains Sosial	500,000	-	-
Sains & Teknologi	500,000	1,000,000	500,000

7.0

KEMUDAHAN MAKMAL & PERALATAN SEPUNYA

Peralatan Makmal Sepunya adalah peralatan yang digunakan oleh kumpulan penyelidik dari semua Fakulti/Entiti Kecemerlangan. Peralatan ini ditempatkan di makmal penyelidikan sepunya Fakulti/Entiti Kecemerlangan bagi membantu penyelidik mendapatkan perkhidmatan menganalisis data yang berkaitan dengan penyelidikan masing-masing disamping kemudahan peralatan sepunya.

- 7.1 Makmal Sepunya mempunyai aktiviti penyelidikan memfokus kepada satu disiplin/bidang tujuan yang dikenal pasti oleh Fakulti/Entiti Kecemerlangan.
- 7.2 Makmal Sepunya diketuai oleh seorang Ketua dari kalangan staf akademik dan dibantu oleh beberapa kakitangan teknikal.
- 7.3 Peralatan yang dibeli oleh Fakulti dan Entiti Kecemerlangan di guna sama oleh penyelidik UiTM. Manakala pelanggan dari luar UiTM akan dikenakan caj.
- 7.4 Maklumat peralatan dan instrumen sepunya perlu dipusat/didaftar dalam Sistem Maklumat Peralatan RMI.
- 7.5 Perancangan dan hala tuju makmal penyelidikan perlu fokus bagi mendapat pengiktirafan makmal seperti GMP/GLP/ISO17025 daripada badan yang bertauliah.

8.0

PENUTUP

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa berdasarkan keputusan pihak tertinggi UiTM. Garis panduan ini telah menjelaskan takrifan, prosedur, proses penubuhan dan pentadbiran serta KPI setiap Entiti Kecemerlangan di UiTM. Adalah diharapkan agar garis panduan ini akan membawa hasil penjanaan Entiti Kecemerlangan serta keunggulan bagi memantapkan UiTM dalam bidang penyelidikan, inovasi dan perkhidmatan.



passion • patience • precision

Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Tel: 603 5544 2090/3097
Faks: 603 5544 2096

www.rmi.uitm.edu.my